JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 58/2020

## RUJUKAN: 3 – 9 JULAI 2020

@MyCensus2020
@StatsMalaysia

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020

www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 9 Julai 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 8,499** atau 97.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **63 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **6 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **8,683 kes, dengan 6 kes import**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 53.1 peratus**, Zon Selatan (22.8 peratus), Wilayah Malaysia Timur (11.1 peratus), Zon Pantai Timur (7.3 peratus) dan Zon Utara (5.7 peratus). Di peringkat negeri, **Johor** merekodkan **pertambahan 2 kes harian baharu** manakala Selangor **4 kes harian**. **Tiada kes kematian baharu** dilaporkan semenjak 24 hari yang lalu (15 Jun 2020) dengan jumlah kumulatif **121 kes kematian** seperti pada Jadual 1.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **12,183,037 kes** dengan melibatkan **552,291 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **3,159,457 kes** disusuli oleh Brazil dengan 1,716,196 kes dan India (769,574 kes). Secara umumnya, negara yang merekodkan kes positif melebihi 200 ribu kes meningkat kepada 15 buah negara. Di peringkat ASEAN, **Indonesia merekodkan 68,079 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota lain antaranya Filipina (51,754 kes) dan Singapura (45,423 kes). Sementara itu, **24.4 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti Brazil yang menyumbang 12.3 peratus dan United Kingdom (8.1 peratus). Kadar kesembuhan dunia telah mencapai 56.52 peratus atau sebanyak 6,886,282 kes yang telah direkodkan sehingga kini seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

GLOBAL: Ekonomi global menguncup sebanyak -5.2 peratus pada tahun 2020. Menurut Dun and Bradstreet's (D&B) Country Risk and Global Outlook Report, secara keseluruhan, ekonomi global dijangka suram dan tidak dapat mencapai tahap aktiviti pra-pandemik sebelum 2022. D&B pada masa ini meramalkan bahawa ekonomi global akan menyusut sebanyak -5.2 peratus pada tahun 2020, penurunan terbesar sejak Perang Dunia Ke-2 dan penguncupan yang jauh lebih rendah daripada -1.7 peratus yang dicatat pada tahun 2009 semasa krisis kewangan global. (Economic Times)

AS: Goldman menurunkan ramalan KDNK AS, menyaksikan penurunan -4.6 peratus pada tahun 2020. Goldman Sachs menyemak semula anggaran mereka untuk ekonomi AS, tetapi meramalkan ia akan kembali ke landasan pada bulan September setelah beberapa negeri mengenakan sekatan baharu untuk memerangi COVID-19. Walaupun perbelanjaan pengguna kelihatan berkurang bulan ini dan bulan berikutnya, penganalisis ekonomi Goldman Sachs menyatakan ekonomi negara lain telah membuktikan bahawa aktiviti ekonomi boleh dilakukan dengan melakukan perubahan tingkah laku (norma baharu) seperti memakai pelitup mulut. (Bloomberg).

AS: Aktiviti sektor perkhidmatan menunjukkan perubahan besar pada bulan Jun. Indeks bukan pembuatan meningkat kepada 57.1 pada bulan Jun daripada 45.4 pada bulan Mei. Bacaan di atas 50 yang menunjukkan peningkatan dalam aktiviti sektor perkhidmatan. Penganalisis ekonomi menjangkakan indeks naik ke 50.1. Kenaikan mendadak oleh indeks bukan pembuatan mencerminkan kenaikan peratusan satu bulan terbesar sejak siri ini bermula pada tahun 1997. Kenaikan yang jauh lebih besar daripada yang dijangkakan oleh indeks utama muncul ketika indeks aktiviti perniagaan melonjak ke 66.0 pada bulan Jun dari 41.0 pada bulan Mei dan indeks pesanan baru melonjak menjadi 61.6 daripada 41.9. (RTT)

EU: Ekonomi Jerman dijangka akan meningkat semula mulai Oktober atau November. Ekonomi terbesar di Eropah berkemungkinan akan mula tumbuh semula mulai Oktober atau November, kata Menteri Ekonomi Jerman, Peter Altmaier. Ekonomi Jerman telah dilanda krisis kesihatan COVID-19 dengan output ekonomi menyusut sebanyak -2.2 peratus pada suku pertama, kadar paling rendah sejak 2009. Pemerintah menjangkakan ekonomi akan menyusut sebanyak -6.3 peratus tahun ini, kemelesetan terburuk sejak Perang Dunia Kedua. (Reuters)

EU: Pengangguran Eropah meningkat kurang dari jangkaan. Walaupun terdapat kemelesetan yang mendalam, kadar pengangguran di kawasan Eropah hanya meningkat sedikit pada bulan Mei kerana program kerja jangka pendek negara-negara anggota untuk menyokong pekerjaan di tengah penurunan yang disebabkan oleh wabak COVID-19. Kadar pengangguran meningkat kepada 7.4 peratus pada bulan Mei daripada 7.3 peratus pada bulan April. Pada tempoh yang sama tahun lalu, kadar pengangguran adalah 7.6 peratus. (RTT)

UK: PMI Perkhidmatan IHS Markit / CIPS UK meningkat kepada 47.1 dari 29.0 pada bulan Mei, sedikit lebih tinggi daripada bacaan awal 47.0 tetapi masih di bawah ambang 50 untuk pertumbuhan. Tinjauan menunjukkan 33 peratus perniagaan perkhidmatan, yang merangkumi sebahagian besar ekonomi UK, melaporkan penurunan aktiviti, turun dari 54 peratus pada bulan Mei, sementara 28 peratus melaporkan kenaikan. (Reuters)

JAPAN: Indeks Pelopor meningkat pada bulan Mei. Indeks Pelopor Jepun, yang mengukur aktiviti ekonomi masa depan, meningkat kepada 79.3 pada bulan Mei

daripada 77.7 pada bulan April. Indeks Serentak yang mencerminkan aktiviti ekonomi semasa menurun kepada 74.6 pada bulan Jun daripada 80.1 sebulan yang lalu. Ini adalah tahap terendah sejak Jun 2009. Indeks Susulan menurun kepada 94.0 pada bulan Jun daripada 97.8 pada bulan sebelumnya. Bacaan terkini adalah yang terendah sejak Julai 2013. (RTT)

CHINA: Deutsche Bank menjangkakan ‘pemulihan berbentuk V’ China semakin sederhana pada separuh kedua 2020. Pemulihan ekonomi China dijangka perlahan pada Separuh Kedua Tahun 2020 setelah lonjakan kuat dari terendah pada awal tahun ini. Prospek ke depan, bagaimanapun dijangka kurang jelas. Kesan penularan pandemik COVID-19 adalah pada aktiviti penggunaan kerana orang-orang mengalami sekatan pergerakan atau memilih untuk tidak keluar. (CNBC)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Pendapatan teras dalam **sektor pembinaan** dijangka **lebih rendah** pada **suku kedua 2020**, kerana ia menanggung impak penuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memandangkan tapak pembinaan hanya dibenarkan memulakan kerja awal Mei 2020.

2) **AmInvestment Bank** mengunjurkan jumlah keseluruhan industri (TIV) kekal memberangsangkan dengan **sasaran 565,000 unit tahun ini**, berikutan inisiatif diumumkan kerajaan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

3) **Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii)** dan Melati Evergreen Sdn Bhd (MESB) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk **meningkatkan lagi teknologi dan penyelesaian** yang dikembangkan oleh kedua-dua pihak dalam sektor mobiliti dan pengangkutan.

4) **Stok sawit Jun susut** sekitar **enam peratus** berbanding Mei kepada **1.91 juta tan**, penurunan bulanan kedua, menurut 10 median daripada anggaran dalam tinjauan Bloomberg membabitkan penganalisis, peniaga dan eksekutif perladangan.

5) **Pelabur asing melupuskan** lebih daripada **separuh ekuiti tempatan** minggu lalu kepada **RM339.4 juta berbanding RM624.7 juta** pada minggu sebelumnya. Malaysia masih mencatatkan aliran keluar bersih asing keempat terendah bagi tahun ke tahun berbanding enam pasaran Asia yang lain.

6) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan jualan sempena Kempen Beli Barangan Malaysia **mencecah RM513 juta** bagi tempoh Julai hingga Disember tahun ini. Melalui aplikasi Shopee dikenali Buy Malaysia dan Kempen Beli **Barangan Malaysia sebanyak 13,000 produk** dan perkhidmatan tempatan ditawarkan menerusi kempen ini sehingga akhir tahun untuk menyokong barangan buatan Malaysia.

7) **Sebanyak 84 peratus daripada 3,282 tapak pembinaan** telah beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi membendung penyebaran wabak COVID-19. Pemeriksaan yang dilakukan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dari 20 April hingga 5 Julai mendapati bahawa hanya **1 peratus tapak pembinaan diperintahkan ditutup sementara 15 peratus** telah diberi amaran kerana tidak mematuhi SOP.

8) **Kerajaan Sabah berhasrat** untuk membuka semula pintu kepada **pelancongan antarabangsa menjelang 1 September tahun ini**. Langkah ini akan diambil dengan mengambil kira situasi semasa pandemik COVID-19 serta nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia. Di samping itu, mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

9) Kawasan penanaman lada di **Malaysia meningkat di antara 100 hektar hingga 350 hektar** dengan kerajaan mensubsidi program itu kepada petani tempatan. Pada 2019, MPB memperuntukkan RM10 juta untuk subsidi kepada petani dalam skim penanaman lada baharu dengan menanam kira-kira 350 hektar ladang lada baharu. MPI akan membelanjakan kurang sedikit pada tahun ini berbanding 2019 bagi skim penanaman baharu berikutan kita kini menghampiri penghujung Rancangan Malaysia ke-11.

10) Galakan **pelaksanaan sistem Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)** di sektor pertanian akan terus dipromosi pelaksanaannya dalam kalangan pengusaha dan pengeluar bahan pertanian tempatan. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Pertanian (DOA) yang menjalankan fungsi sebagai Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan berusaha untuk **memastikan pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan menjadi keutamaan** dalam memacu usaha ke arah pertanian mampan. DOA akan memperuntukkan RM10 juta bagi memperkasakan projek IPM menerusi Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

11) Kementerian Wilayah Persekutuan melalui program Urban Youth Entrepreneurship Development **menawarkan 1,122 peluang pekerjaan kepada orang muda** yang berminat berniaga. Peluang ini juga terbuka kepada mereka yang kehilangan pekerjaan dan ingin menceburi bidang perniagaan. Kementerian telah mengenalpasti 1,000 lokasi yang akan dibuka secara berperingkat.

12) Industri pelancongan menunjukkan **peningkatan tempahan hotel di seluruh negara kepada 30.74 peratus** sehingga Jun. Kementerian Pelancongan sentiasa bekerjasama dengan pemain industri bagi menangani kesan Covid-19. Garis panduan daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar juga diperolehi bagi mengenalpasti zon hijau luar negara yang melaksanakan "*travel bubbles*".

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Sunway tawar diskaun 70 peratus pakej pelancongan**<br><br>Ketua Pegawai Eksekutif Sunway Malls dan Taman Tema, HC Chan berkata kempen itu bertepatan pada waktu memandangkan Taman Tema Sunway Lagoon akan dibuka semula kepada orang ramai pada 4 Julai.<br><br>Beliau berkata kempen itu juga seiring dengan usaha kerajaan untuk menghidupkan semula industri menerusi pengumuman insentif pelepasan cukai RM1,000 bagi pelancongan domestik. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/07/706795/sunway-tawar-diskaun-70-peratus-pakej-pelancongan |
| 2. | **New Straits Times** | **Covid-19 causes deeper contraction on Apec economies**<br><br>A new updated report from the unit finds that the Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) region's economic growth was now expected to decline by 3.7 per cent in 2020, down from its initial forecast of a 2.7 per cent contraction in April, bringing the total output loss to a staggering US$ 2.9 trillion.<br><br>"Global growth is projected to fall to 4.9 per cent, compared to a decline of 3 per cent estimated earlier by the IMF," the Apec unit said.<br><br>The updated report projects an | https://www.nst.com.my/business/2020/07/606386/covid-19-causes-deeper-contraction-apec-economies |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | economic recovery for the region of 5.7 per cent in 2021, compared to the earlier estimate of 6.3 per cent. | |
| 3. | **New Straits Times** | **Restart infra projects to drive back economy: Economists**<br><br>Economists said the projects were one of the key growth catalysts for the economy this year. The construction sector was badly hit by Covid-19, prompting the government to enforce the MCO to contain the pandemic. The continuation of these projects will boost investor's confidence and add to the investment demand, while creating employment.<br><br>The construction sector was expected to grow positively this year, despite a RM15.35 billion contraction recorded in the first quarter of 2020. Forecast GDP from construction to increase above RM16 billion in the fourth quarter of this year, with around 4.5 per cent contribution to overall annual GDP. | https://www.nst.com.my/business/2020/07/606269/restart-infra-projects-drive-back-economy-economists |
| 4. | **Berita Harian** | **Jualan kenderaan dijangka kekal memberangsangkan**<br><br>Penganalisis AmInvestment Bank, Jeremie Yap, berkata TIV pada separuh kedua tahun ini bakal disokong prestasi lebih baik bagi semua pengeluar utama berikutan pelaksanaan pengecualian cukai jualan sepenuhnya bagi | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2020/07/707895/jualan-kenderaan-dijangka-kekal-memberangsangkan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | unit pemasangan tempatan (CKD) dan 50 peratus bagi model import (CBU) berkuatkuasa 15 Jun hingga 31 Disember 2020.<br><br>Pengecualian cukai jualan menyaksikan harga kereta turun antara 1.1 peratus hingga 6.5 peratus bagi semua kenderaan, yang dilihat sebagai suntikan yang sangat diperlukan sektor automotif negara sebagaimana yang berlaku ketika tempoh 'cuti cukai' Jun hingga Ogos 2018. | |
| 5. | **Berita Harian** | **Ekonomi Malaysia diunjur antara -3.8 hingga 0.5 peratus tahun ini**<br><br>Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata unjuran itu sememangnya sudah dijangka memandangkan lebih 150 daripada 195 negara di dunia mungkin mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun ini.<br><br>Bagi tahun depan, Tengku Zafrul berkata agensi antarabangsa mengunjurkan KDNK Malaysia berada dalam lingkungan 6.3 peratus hingga 7.5 peratus. Unjuran itu bergantung kepada kejayaan berterusan Malaysia dalam mengurus COVID-19, serta memacu dan memelihara ekonomi ke arah pemulihan dan pertumbuhan.<br><br>"Memandangkan Malaysia | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/07/708139/ekonomi-malaysia-diunjur-antara-38-hingga-05-peratus-tahun-ini |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | adalah ekonomi terbuka, sama ada pertumbuhan kita akan bentuk U ataupun V, ia juga tertakluk kepada faktor luaran seperti pemulihan rakan dagang utama kita serta rantaian bekalan global," katanya. | |
| 6. | **The Malaysian Reserve** | **Shopee aims to reinvigorate economy under Penjana**<br><br>SHOPEE Malaysia will be giving some 30,000 micro, and small and medium enterprises (SMEs) more than RM1,500 in seller benefits. The Penjana Micro and SMEs E-commerce Campaign is the second support package that Shopee will be funding for Malaysian businesses, and this time with even better perks," he said.<br><br>Some of the benefits in this campaign include RM1,000 in vouchers for Shopee stores to help kick start businesses, as well as RM500 in advertising credits to increase store visibility. | https://themalaysianreserve.com/2020/07/07/shopee-aims-to-reinvigorate-economy-under-penjana/ |
| 7. | **The Edge Markets** | **Airbnb recommends extension of tourism incentives to STRA hosts**<br><br>Airbnb has lauded the Malaysian government for the several key incentives dedicated to businesses in the tourism sector under the economic stimulus packages and proposed that they be extended to short-term rental accommodation (STRA) hosts. | https://www.theedgemarkets.com/article/airbnb-recommends-extension-tourism-incentives-stra-hosts |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the key incentives as postponement of tax instalment payments beginning April 1-Dec 31, 2020; RM1 billion PENJANA Tourism Fund (PTF) facility to finance transformation initiatives in the sector; one-off RM600 payment and personal income tax relief of RM1,000 on domestic tourism-related expenditure until December 2021. | |
| 8. | **The Edge Markets** | **Malaysia's GDP to grow 6.3% to 7.5% next year, says Tengku Zafrul**<br><br>International agencies have forecast that Malaysia's gross domestic product (GDP) growth in 2021 will be in the range of 6.3% to 7.5%, according to Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.<br><br>Tengku Zafrul said for 2020, GDP growth has been estimated to be within the range of -3.8% to 0.5% by various agencies. Bank Negara Malaysia (BNM) has projected economic growth to be within -2% to 0.5%, the International Monetary Fund (IMF) -3.8% and the World Bank -3.1%. | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-gdp-grow-63-75-next-year-says-tengku-zafrul |
| 9. | **New Straits Times** | **MARii, MESB inks MoU to enhance transportation sectors**<br><br>The collaboration explores the applications of Big Data | https://www.nst.com.my/business/2020/07/606582/marii-mesb-inks-mou-enhance-transportation- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Analytics (BDA), Artificial Intelligence (AI), and Internet of Things (IoT) in all mobility platforms to enhance the efficiency and effectiveness of data-driven solutions.<br><br>"Its applications expand beyond the automotive sector and form the backbone in the realisation of connected mobility and Intelligent Transportation Systems (ITS), in all modes of | sectors |
| 10. | **Berita Harian** | **COVID-19 sebabkan AirAsia rugi RM967.15 juta**<br><br>Walaupun industri penerbangan menghadapi cabaran yang besar, dengan kapasiti dan pengurusan kos yang proaktif, selain prestasi kukuh daripada perniagaan bukan syarikat penerbangan, AirAsia Group mencatatkan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) yang pulang modal.<br><br>Bagi perniagaan syarikat penerbangan, jumlah perolehan kumpulan pada suku pertama 2020 susut 18 peratus kepada RM2.16 bilion tahun ke tahun dengan sekatan perjalanan yang meningkat dan tidak pernah berlaku sebelum ini berikutan COVID-19. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/07/708566/covid-19-sebabkan-airasia-rugi-rm96715-juta |
| 11. | **New Straits News** | **Hotel occupancy nationwide surged to 30.74pct in June**<br><br>Hotels are being filled up by | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/07/607136/hotel-occupancy- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | domestic tourists, and this has helped revive the country's economy, which has been badly hit by the Covid-19 pandemic.<br><br>In terms of hotel reservations, from March, the occupancy rate was 18.29 per cent. In April, it dipped to 8.86 per cent because of the (Covid-19) peak (in Malaysia); and in May, during the Recovery Movement Control Order (RMCO), it was 9.63 per cent.<br><br>But until June 30, (occupancy) surged to 30.74 per cent. This shows that the public is beginning to go out, they are brave enough to go out because the situation in the country is quite safe. | nationwide-surged-3074pct-june |

Penemuan penting & isu:

1. Sunway Bhd (Sunway) akan melancarkan kempen 'Ke Sana Ke Sini Ke Sunway' pada 6 Julai ini yang menawarkan pakej pelancongan di Sunway City Kuala Lumpur dengan diskaun 70 peratus.
2. AmInvestment Bank mengunjurkan jumlah keseluruhan industri (TIV) kekal memberangsangkan dengan sasaran 565,000 unit tahun ini, berikutan inisiatif diumumkan kerajaan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
3. Bank Negara Malaysia (BNM), Tabung Kewangan Dunia (IMF) dan Bank Dunia mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia untuk tahun 2020 adalah sekitar -3.8 peratus hingga 0.5 peratus.
4. Sebanyak 30,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) dalam e-dagang makan menerima manfaat sebanyak RM1,500 sebagai sebahagian daripada komitmen Shopee dalam kempen e-dagang PENJANA yang dilancarkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).
5. Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) dan Melati Evergreen Sdn Bhd (MESB) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk meningkatkan lagi teknologi dan penyelesaian yang dikembangkan oleh kedua-dua pihak dalam sektor mobiliti dan pengangkutan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Dalam usaha merangsang pelancongan domestik, pemain industri memainkan peranan dengan menawarkan pelbagai pakej menarik bagi menggalakkan aktiviti pelancongan. Pada tahun 2018, sumbangan nilai ditambah kasar industri pelancongan kepada KDNK telah meningkat 15.2 peratus pada tahun 2018 (RM220.6 bilion) berbanding 14.6 peratus pada tahun 2017 (RM220.6 bilion).
2. Pemulihan jumlah jualan kenderaan pada tempoh PKPB berbanding pada awal PKP akan memberi impak positif kepada prestasi subsektor Perkhidmatan terutamanya segmen kenderaan bermotor. Pada ST1 2020, pertumbuhan sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 3.1 peratus (ST4 2019: 6.2%) dimana segmen kenderaan bermotor menyusut 2.9 peratus (ST4 2019: 4.3%).
3. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat yang yang berterusan pada tempoh yang lama sehingga Mei 2020 akan memberi kesan negatif kepada prestasi ekonomi negara. Pada Suku Tahun Pertama 2020, KDNK Malaysia merekodkan pertumbuhan 0.7 peratus dengan nilai RM 344.2 bilion pada harga malar, berbanding 3.6 peratus pada ST4 2019.
4. Pelbagai Inisiatif ditawarkan kepada usahawan PKS bagi memastikan perniagaan akan terus kekal bertahan dan merangsang pertumbuhan perniangaan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi PKS dan memberi kesan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2018, sumbangan KDNK PKS kepada KDNK Malaysia meningkat kepada 38.3 peratus daripada 37.8 peratus pada tahun sebelumnya.
5. Inisiatif menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi meningkatkan teknologi dalam sektor mobiliti dan pengangkutan dapat dimanfaatkan serta secara tidak langsung memberi kesan positif kepada prestasi pertumbuhan subsektor perkhidmatan pengangkutan. Pada ST1 2020, nilai ditambah subsektor Perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan menyumbang 3.6 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan negatif 10.9 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Harian Metro** | **Jualan kereta naik tiga kali ganda**<br><br>Perodua catat jualan 21,250 kenderaan bagi Jun 2020, jualan bulanan tertinggi setakat tahun ini dan hampir tiga kali | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/07/596063/jualan-kereta-naik-tiga-kali-ganda |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ganda jualan bulan lalu.<br><br>Prestasi jualan itu susulan langkah kerajaan mengecualikan cukai jualan mewujudkan banyak manfaat. Pembeli menikmati harga kenderaan dikurangkan bagi Perodua, antara tiga hingga enam peratus sehingga akhir tahun ini. | |
| 2. | **Harian Metro** | **Platform Remp-itz**<br><br>Viral Niaga Sdn Bhd komited menyediakan platform e-dagang komprehensif bagi membantu usahawan tempatan mempromosikan produk dan perkhidmatan secara percuma. Marketplace Remp-itz diperkenalkan adalah mudah digunakan serta dilengkapi sistem penghantaran.<br><br>Selain membantu usahawan tempatan, syarikat turut menyasarkan 10,000 peluang pekerjaan sebagai rider Remp-itz menjelang 2021. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/07/596974/platform-remp-itz |
| 3. | **Harian Metro** | **Beli udang segar di Jualan 7.7 Lazada**<br><br>Lazada Malaysia akan membawakan kelainan dalam Jualan Pertengahan Tahun 7.7 dengan menampilkan penstriman langsung jualan udang tempatan segar dari laut sekitar Selangor.<br><br>Lazada komited membantu kesukaran yang dihadapi oleh perniagaan kecil dalam industri | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/07/597189/beli-udang-segar-di-jualan-77-lazada |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pertanian, dan sentiasa berusaha membantu dengan membawa perniagaan mereka ke dalam talian. | |
| 4. | **Harian Metro** | **1.8 juta Proton Saga dijual dalam 35 tahun**<br><br>1.8 juta unit Proton Saga berjaya dijual dalam tempoh 35 tahun, sekali gus menjadikannya model paling popular bagi jenama automotif Malaysia. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/07/597651/18-juta-proton-saga-dijual-dalam-35-tahun |
| 5. | **Berita Harian** | **MPOB sasar 492,000 pekebun kecil sawit dapat MSPO**<br><br>Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyasar kira-kira 492,000 pekebun kecil sawit di seluruh negara mendapat sijil di bawah Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) pada hujung tahun ini. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/07/709016/mpob-sasar-492000-pekebun-kecil-sawit-dapat-mspo?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys |
| | **B. Subsektor Pendidikan** | | |
| 6. | **Berita Harian** | **Sekolah dibuka mulai 15 Julai**<br><br>Pelajar Tingkatan 1 hingga 4 dan kelas peralihan, serta murid Tahun 5 dan 6, akan bermula bersekolah pada 15 Julai ini. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/706158/sekolah-dibuka-mulai-15-julai |
| 7. | **Berita Harian** | **Bersih premis sebaik tamat sesi pembelajaran**<br><br>Kementerian Pendidikan dalam Garis Panduan Pembukaan Semula IPS yang dikeluarkan | https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2020/07/706695/bersih-premis-sebaik-tamat-sesi- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | menetapkan semua kelengkapan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga perlu dibersihkan selepas tamat setiap sesi pembelajaran, jika membabitkan kumpulan pelajar yang berlainan. | pembelajaran |
| 8. | **My Metro Astro Awani** | **Tadika swasta berdaftar dengan KPM dapat RM5,000**<br><br>Pemberian geran di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) itu adalah inisiatif meringankan beban pengusaha taska swasta dalam membuka semula operasi mereka. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/597448/tadika-swasta-berdaftar-dengan-kpm-dapat-rm5000 |
| 9. | **Berita Harian** | **Pelajar IPT dibenarkan kembali ke kampus berperingkat mulai Julai**<br><br>30 peratus pelajar tempatan di IPT swasta (IPTS) dibenarkan kembali ke kampus seperti yang dimohon oleh Persatuan Kolej dan Universiti Swasta. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/708642/pelajar-ipt-dibenarkan-kembali-ke-kampus-berperingkat-mulai-julai |
| 10. | **The Sunday Daily** | **Religious schools, madrasah, tahfiz allowed to resume operations from July 15**<br><br>All religious schools which are registered with the Education Ministry and state authorities have been allowed to resume operations from July 15. | https://www.thesundaily.my/local/religious-schools-madrasah-tahfiz-allowed-to-resume-operations-from-july-15-XA2651642 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **C. Subsektor Pentadbiran dan Khidmat Sokongan** | | |
| 11. | **The Star** | **Adapt and survive, travel agents urged**<br><br>Travel agents must adapt to the new normal to capitalise on the fact that Malaysians are looking forward to travelling domestically during the recovery movement control order (MCO) perio. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/07/06/adapt-and-survive-travel-agents-urged |

Penemuan penting & isu:

1. Perodua catat jualan tertinggi pada bulan ini dengan kenaikan jualan kereta tiga kali ganda berbanding Jun lalu.
2. Viral Niaga Sdn Bhd komited menyediakan platform e-dagang bagi membantu usahawan tempatan mempromosikan produk dan perkhidmatan secara percuma.
3. Lazada Malaysia akan membawakan kelainan dalam Jualan Pertengahan Tahun 7.7 dengan menampilkan penstriman langsung jualan udang tempatan segar dari laut sekitar Selangor.
4. Proton Saga berjaya dijual 1.8juta unit dalam tempoh 35 tahun.
5. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyasar kira-kira 492,000 pekebun kecil sawit di seluruh negara mendapat sijil di bawah Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) pada hujung tahun ini.
6. Sektor Pendidikan akan memulakan operasi secara berperingkat bermula 15 Julai 2020.
7. Agensi pengembaraan dipohon untuk menjadikan pelancongan domestik kekal relevan.
8. TM sedang menyediakan platform online bagi membolehkan agensi pelancongan mempromosikan produk mereka secara percuma.
9. Syarikat Apple Vacation memaklumkan kumpulan pelancong domestik pertama mereka telah selesai melancong ke Langkawi selama 3 hari dan optimis sektor pelancongan akan kembali pulih.

Maklumbalas Bahagian:

1. Perniagaan telah mula beralih arah kepada pembelian secara atas talian kesan dari penularan covid-19 dan ini secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi jualan runcit secara atas talian.
2. Industri Jualan Kenderaan Bermotor dijangka akan meningkat dan pulih selepas tempoh pasca pemulihan Covid-19 ini.
3. Kebanyakan sektor ekonomi telah dibenarkan beroperasi secara berperingkat, ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan dan memulihkan ekonomi sektor perkhidmatan.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>**3 Julai 2020** | **Eksport sawit Malaysia meningkat 24 peratus**<br><br>Simpanan minyak sawit di Malaysia dijangka susut ke paras terendah dalam tempoh tiga bulan pada Jun berikutan lonjakan eksport ke tahap paling tinggi dalam tempoh hampir dua tahun.<br><br>Eksport pula meningkat sekitar 24 peratus kepada 1.7 juta tan, peningkatan bulanan terbesar sejak September 2018 dan tertinggi sejak Ogos 2019.<br><br>Pengeluaran minyak sawit mentah meningkat 7.9 peratus hingga 1.78 juta tan, yang terbesar sejak Oktober.<br><br>Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan menyiarkan datanya pada 10 Julai ini. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/07/706929/eksport-sawit-malaysia-meningkat-24-peratus |
| 2. | **Berita Harian**<br>**9 Julai 2020** | **LPK sedia pelbagai insentif pulihkan sektor logistik dan perkapalan**<br><br>Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) menyediakan insentif kewangan dengan memberi penangguhan bayaran sewa sebanyak 30 peratus kepada penyewa Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) sebanyak RM14 juta serta 20 peratus diskaun dius pelabuhan kepada syarikat perkapalan berjumlah RM2.543 | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/709098/lpk-sedia-pelbagai-insentif-pulihkan-sektor-logistik-dan-perkapalan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | juta mulai bulan ini hingga Disember ini.<br><br>Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata insentif kewangan lain pengecualian dan diskaun sebanyak 50 peratus sehingga 100 peratus ke atas sewa pajak kepada penyewa dari tempoh Mac lalu hingga Disember berjumlah RM510,535 dan 20 peratus diskaun caj kutipan bayaran pantai kepada pengguna jeti persendirian membabitkan pengimport dan pengeksport dari Julai hingga Disember sebanyak RM180,517.<br><br>Beliau berkata, jumlah keseluruhan pakej insentif kewangan itu adalah sebanyak RM17,234 juta bertujuan membantu dan meringankan beban kewangan pemain logistik di Pelabuhan Klang. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>**9 Julai 2020** | **Hubungan dagang Malaysia-AS tak terjejas**<br><br>Kedudukan Malaysia sebagai antara rakan dagangan utama Amerika Syarikat (AS) tidak akan terjejas walaupun republik itu kini merekodkan kes positif COVID-19 tertinggi pada peringkat global.<br><br>Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata berdasarkan perangkaan semasa, | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/07/707781/hubungan-dagang-malaysia-tak-terjejas |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kedudukan Malaysia sebagai rakan dagang AS tidak terkesan teruk sepanjang pandemik COVID-19.<br><br>Malah, tegasnya jumlah dagangan Malaysia dengan AS untuk lima bulan pertama tahun ini bernilai AS$18.02 bilion (RM77.1 bilion), peningkatan 11.93 peratus berbanding lima bulan pertama 2019. | |

Penemuan penting & isu:

1. Eksport minyak sawit meningkat sekitar 24 peratus kepada 1.7 juta tan dalam tempoh tiga bulan pada Jun, peningkatan bulanan terbesar sejak September 2018 dan tertinggi sejak Ogos 2019. Eksport minyak sawit ke India melonjak disebabkan pembeli mahu meningkatkan semula stok yang rendah dan dipengaruhi harga komoditi lebih menarik berbanding Indonesia. Eksport turut meningkat berikutan pelonggaran peraturan perintah berkurung yang membenarkan restoran dan pusat beli belah dibuka semula sekali gus meningkatkan penggunaan minyak sawit.
2. Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) menyediakan pelbagai insentif kewangan dengan jumlah keseluruhan pakej bernilai RM17,234 juta bertujuan membantu dan meringankan beban kewangan pemain logistik di Pelabuhan Klang. Antaranya melalui pemberian penangguhan bayaran sewa sebanyak 30 peratus kepada penyewa Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) sebanyak RM14 juta serta 20 peratus diskaun dius pelabuhan kepada syarikat perkapalan berjumlah RM2,543 juta mulai bulan ini hingga Disember ini.
   Jumlah perdagangan Malaysia dengan AS untuk lima bulan pertama tahun ini bernilai AS$18.02 bilion (RM77.1 bilion), peningkatan 11.93 peratus berbanding lima bulan pertama 2019. Eksport Malaysia ke AS meningkat 13.62 peratus dan import barangan AS ke Malaysia turut naik 6.97 peratus. Ini menjadikan Malaysia rakan dagang ke-18 terpenting untuk AS, naik satu tangga daripada kedudukan ke-19 pada tahun lalu. Antara barangan utama dieksport ke AS ialah cip komputer bernilai AS$5.98 bilion, semikonduktor (AS$1.44 bilion), komponen telefon pintar (AS$945.41 juta), barangan berasaskan getah (AS$762.35 juta) dan pencetak (AS$713.75 juta). Walaupun berlaku ketidaktentuan sosiopolitik serta ekonomi di AS, Malaysia masih mampu kekal antara rakan dagang utama AS.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak sawit mentah pada tahun 2019 ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Berdasarkan tahun ke tahun, pada Mei 2020, eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (8.3% daripada jumlah eksport), mencatatkan penurunan sebanyak RM996.5 juta (-16.1%) kepada RM5.2 bilion. Eksport minyak kelapa sawit, komoditi utama dalam kumpulan produk ini merosot RM799.2 juta atau 20.8% disebabkan oleh penurunan dalam volum eksport (-32.9%) walaupun nilai purata seunit meningkat 18.0%. Walau bagaimanapun, berdasarkan bulan ke bulan, eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit meningkat RM164.2 juta atau 3.3% daripada RM5.0 bilion. Eksport minyak kelapa sawit meningkat RM25.5 juta atau 0.8% disebabkan oleh kenaikan volum eksport (+6.3%) walaupun nilai purata seunit menurun 5.1%.
2. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 10. | **Astro Awani**<br><br>5 Julai 2020 | **Jerebu rentas sempadan dijangka tidak berlaku dalam masa terdekat - MetMalaysia**<br><br>Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), jerebu rentas sempadan dari arah timur dan tengah Kalimantan, Indonesia dijangka tidak melanda negara dalam masa terdekat. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jerebu-rentas-sempadan-dijangka-tidak-berlaku-dalam-masa-terdekat-metmalaysia-249862 |
| 11. | **Berita Harian**<br><br>6 Julai 2020 | **KASA peruntuk RM15 juta atasi hakisan Pantai Rusila**<br><br>Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) memperuntukkan RM15 juta bagi menyelesaikan isu hakisan pantai di sepanjang enam kilometer di Pantai Rusila, dekat sini. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/707955/kasa-peruntuk-rm15-juta-atasi-hakisan-pantai-rusila |
| 12. | **Harian Metro**<br><br>6 Julai 2020 | **Penyakit zoonosis turun sepanjang PKP**<br><br>Amalan kebersihan kendiri yang tinggi diterapkan oleh masyarakat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyumbang kepada penurunan jumlah kes penyakit zoonosis di negara ini. Penyakit zoonosis adalah penyakit berjangkit yang berlaku antara haiwan dan manusia seperti leptospirosis (kencing tikus), rabies, brucellosis, Japanese Encephalitis (JE), Q Fever dan Malaria Knowlesi. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/597192/penyakit-zoonosis-turun-sepanjang-pkp-metrotv |
| 13. | **Bernama**<br><br>8 Julai 2020 | **Premis makanan sumbang pencemaran FOG**<br><br>Premis makanan antara yang dikesan melepaskan sisa | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1858615 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | makanan, lemak, minyak dan gris (FOG) ke paip pembentungan awam dan sistem perparitan hingga menyebabkan pencemaran di kawasan perairan dan sungai, kata Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man. | |

Penemuan penting & isu:

1. Galakan pelaksanaan sistem Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) di sektor pertanian akan terus dipromosi pelaksanaannya dalam kalangan pengusaha dan pengeluar bahan pertanian tempatan. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Pertanian (DOA) yang menjalankan fungsi sebagai Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan berusaha untuk memastikan pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian mampan. DOA akan memperuntukkan RM10 juta bagi memperkasakan projek IPM menerusi Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Pengarahnya, Mohd Nasir Warris, berkata peruntukan yang diperolehi dari kerajaan itu akan memberi impak kepada masyarakat di negara ini dan juga tujuan eksport. IPM ini sebenarnya ketika RMK-11, kerajaan peruntukkan RM2.5 juta dan kita akan perkasakan lagi dalam RMK-12 ini dengan RM10 juta untuk hasilkan makanan yang selamat dimakan rakyat di negara ini dan untuk dieksport.
2. Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata sepanjang Rancangan Malaysia ke-11 iaitu antara 2016 hingga tahun lepas, sejumlah 93,937 orang di 3,815 lokasi terlibat dalam program pertanian bandar dan daripada jumlah itu 8,010 orang adalah dari Melaka. Projek pertanian bandar dapat membantu mengurangkan kos sara hidup, memberi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tambahan dengan tujuan membantu rakyat Malaysia khususnya yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerajaan memperakukan peruntukan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) untuk memberi sumbangan seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan lain-lain bernilai RM500 bagi penerima individu dan RM50,000 bagi setiap komuniti. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyasarkan peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah PENJANA (untuk pertanian bandar). Peruntukan ini akan memanfaatkan 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu dalam program pertanian bandar. Program pertanian bandar ini bertujuan untuk menangani isu kekurangan tanah untuk pertanian, selain membolehkan rakyat menceburkan diri dalam sektor pertanian dengan menggunakan ruang sedia ada bagi pengeluaran makanan serta menjana pendapatan

tambahan dan juga dapat menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara.

3. Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata ketika perbincangan bersama, pembekal dan penternak memaklumkan kenaikan harga disebabkan kekurangan bekalan anak ayam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pihak KPDNHEP telah menerima aduan berkaitan bekalan ayam dan harga ayam yang dilaporkan meningkat dengan mendadak hampir di semua negeri sejak kebelakangan ini. Pembekal dan penternak memaklumkan kurang memasukkan bekalan anak ayam bagi mengelak kerugian, sekali gus menyebabkan berlakunya kekurangan hasil ayam. Hasil perbincangan, mereka memberi jaminan bekalan akan kembali pulih menjelang Ogos nanti dan harga ayam juga akan kembali stabil.
4. *Deputy Minister Willie Mongin said among the proposals that would be tabled is the provision of grants to smallholders who operate plantations covering 2.5 hectares (ha) and below. Smallholders who own plantations of 2.5ha and above, meanwhile, would be given loans to help them increase their palm production.*
5. *The grand total is the aggregate of the daily turnover of each glove counter based on Bloomberg data. Yesterday the turnover of the seven glove stocks alone accounted for 43%, or RM5.07 billion, of total turnover of local bourse — an evident of the craze for glove counters.*
6. Kawasan penanaman lada di Malaysia meningkat di antara 100 hektar hingga 350 hektar dengan kerajaan mensubsidi program itu kepada petani tempatan. Pada 2019, MPB memperuntukkan RM10 juta untuk subsidi kepada petani dalam skim penanaman lada baharu dengan menanam kira-kira 350 hektar ladang lada baharu. MPI akan membelanjakan kurang sedikit pada tahun ini berbanding 2019 bagi skim penanaman baharu berikutan kita kini menghampiri penghujung Rancangan Malaysia ke-11. Manakala jumlah perbelanjaan pada setiap tahun adalah melebihi RM20 juta termasuk perbelanjaan subsidi, operasi dan pembangunan.
7. Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM), Datuk Ahmad Nazlan Idris, berkata banyak tanaman seperti nanas sesuai ditanam secara integrasi dengan getah namun ia bergantung kepada sistem pokok getah ditanam. Beliau berkata, selain nanas, tanaman lain yang sesuai ditanam adalah cili, serai, kacang tanah, pisang, labu, keladi, ubi kayu, tembikai, jagung dan keledek. Tanaman integrasi adalah pendekatan alternatif untuk meningkatkan produktiviti ladang dan juga pendapatan penoreh bagi memperbaiki taraf hidup mereka.
8. Kacang bulu sangat mudah ditanam, kerana ia tidak mempunyai rutin penjagaan yang rumit, malah tiada serangga yang menyerang tanaman itu, membuatkan proses menanamnya sangat mudah. Harga kacang bulu mentah di ladang ketika ini ialah RM10 untuk satu kilogram dan mampu

mencecah RM15 jika di pasaran luar.

9. Kejayaan program pembersihan dan pemuliharaan projek Gerbang Maritim Selangor (SMG) dilihat berjaya meningkatkan kualiti air sungai tersebut. Ada perkembangan positif mengenai SMG iaitu kualiti air meningkat dari tahap empat ke tahap tiga dan mungkin boleh meningkat ke tahap dua dalam masa terdekat. Sebelum ini, *Astro AWANI* melaporkan Sungai Klang yang dahulunya diklasifikasikan sebagai tercemar, sudah berubah wajah dan semakin pulih hasil program pembersihan dan pemuliharaan projek SMG menerusi inisiatif Menteri Besar Incorporated (MBI).
10. Hasil pemantauan *Asean Specialized Meteorological Centre* (ASMC) menunjukkan terdapat tiga titik panas dikesan di Kalimantan dan 12 lagi di Sumatera, Indonesia. Selain itu, kenyataan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan keadaan kualiti udara di seluruh negara dalam keadaan biasa dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada dalam kategori baik dan sederhana. Walau bagaimanapun, kejadian jerebu rentas sempadan masih boleh melanda pada Ogos dan September sekiranya kebakaran terbuka tidak terkawal.
11. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sudah memulakan proses penyuburan pantai iaitu menambak balik kawasan persisiran Pantai Rusila dengan pasir. Antara komponen utama struktur projek ini adalah pembinaan struktur pemecah ombak jenis *'nearshore breakwater'* atau *'groin'* dengan kos dianggarkan sehingga RM150 juta. Selain itu, beberapa strategi dan kajian juga sedang dirangka untuk mengatasi masalah hakisan pantai yang sering berlaku di Terengganu termasuk Pantai Teluk Lipat di Dungun.
12. Amalan kebersihan kendiri yang tinggi diterapkan oleh masyarakat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyumbang kepada penurunan jumlah kes penyakit zoonosis di negara ini. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penyakit zoonosis adalah penyakit berjangkit yang berlaku antara haiwan dan manusia seperti *leptospirosis* (kencing tikus), *rabies*, *brucellosis*, *Japanese Encephalitis* (JE), *Q Fever* dan *Malaria Knowlesi*. Menurut rekod, sehingga Jun lalu, penyakit *leptospirosis* mencatatkan 1,484 kes berbanding 5,217 tahun lalu; *rabies* (dua berbanding enam kes); *brucellosis* (tiada kes berbanding 10), JE (tujuh berbanding 36), *Q Fever* (tiada kes pada 2020 dan 2019) dan *Malaria Knowlesi* (1,16 berbanding 3,222).
13. 200 aduan pencemaran FOG telah dilaporkan kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air ketika pelaksanaan Ops Air Raya dari 14 Mei hingga 29 Mei lepas. Terdapat juga kontraktor yang dilantik pemilik premis yang mengambil jalan mudah melupuskan sisa FOG secara haram ke dalam paip pembetungan. FOG yang berlebihan boleh menyebabkan paip pembentungan dan air kumbahan melimpah keluar sehingga boleh mencemarkan alam sekitar dan juga boleh mengganggu proses rawatan di loji rawatan kumbahan. Berharap inisiatif IWK itu dapat membantu

mencapai sasaran Pelan Induk Teknologi Hijau 2017-2030, iaitu sasaran mengitar semula sisa kumbahan pada kadar yang lebih tinggi daripada sedia ada menjelang 2030.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPAS mengambil maklum berkaitan notifikasi dari Singapura, Jepun, Jerman dan Taiwan setiap tahun, berkaitan sisabaki (residu) racun perosak yang melebihi paras dibenarkan. Maklumat berkaitan racun perosak ini dibekalkan kepada *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO) melalui soal selidik FAO *Questionnaire Pesticide Use.*
2. BPPAS mengambil maklum berhubung Program Pertanian Bandar yang merupakan program untuk membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan dengan bimbingan oleh Jabatan Pertanian. Program ini dilaksanakan bertujuan menggalakkan penduduk bandar menanam sendiri sayur-sayuran atau tanaman makanan di sekitar kediaman mereka supaya beban kenaikan kos sara hidup dapat dikurangkan serta merupakan inisiatif kerajaan ke arah memastikan rakyat Malaysia tidak menghadapi kesukaran kepada akses makanan tersebut. Ini adalah selari dengan saranan global yang digariskan di dalam Sustainable Development Goals (SDG) di bawah Goal 2: Zero hunger.
3. BPPAS mengambil maklum berlaku pengurangan bekalan ayam sepanjang tempoh PKP yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga. Dijangka pada 2020 akan berlaku perubahan purata harga dan pengurangan pengeluaran bilangan ternakan ayam. BPPAS mengeluarkan statistik bilangan ayam dan purata harga di dalam penerbitan Indikator Pertanian Terpilih (IPT) yang diterbitkan secara tahunan. Pada 2018, bilangan ayam yang dikeluarkan dianggarkan 311,978, 594 ekor. Manakala purata harga runcit ayam proses standard RM8.25 dan ayam proses (super) RM8.95.
4. Statistik keluasan tanaman lada turut diterbitkan di dalam penerbitan IPT. Pada 2018 keluasan kawasan bertanam lada adalah 17,800 hektar berbanding 17,100 hektar pada 2017. Berdasarkan kenyataan tersebut, BPPAS mengambil maklum jumlah keluasan bertanam bagi lada pada 2019 akan menunjukkan peningkatan kepada 18,150 hektar.
5. BPPAS mengambil maklum kenyataan Menteri Besar Selangor yang beliau optimis Sungai Klang mampu menjadi antara pembekal sumber air buat industri dan isi rumah di negeri itu pada masa depan. Secara keseluruhan, penggunaan air bermeter domestik yang direkodkan pada 2018 ialah 6,653 JLH manakal untuk bukan domestik ialah 4,469 JLH masing-masing meningkat 3.1 peratus dan 3.2 peratus berbanding 2017.

**Juta liter sehari (JLH)**

| Negeri | Sektor | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Domestik | | Bukan domestik | |
| | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 |
| Malaysia | 6,454 | 6,653 | 4,332 | 4,469 |
| Selangor[1] | 1,870 | 1,950 | 1,373 | 1,425 |

Sumber:
1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KetSA)
2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Nota: [1] Termasuk W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya

6. BPPAS mengambil maklum kenyataan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengenai kejadian jerebu rentas sempadan akan melanda Malaysia pada Ogos dan September sekiranya kebakaran terbuka tidak terkawal di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia. Berdasarkan rekod pihak Jabatan Alam Sekitra bilangan stesen yang merekodkan status kualiti udara Tidak Sihat, Sangat Tidak Sihat dan Berbahaya pada 2018 adalah seperti berikut:

| Status Kualiti Udara | Tidak Sihat (101-200) | Sangat Tidak Sihat (201-300) | Berbahaya (>300) |
|---|---|---|---|
| Bilangan stesen | 26 | 1 | 0 |

Sumber: Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, 2019
Sumber data: Jabatan Alam Sekitar (JAS)

7. Kawasan pesisir pantai merupakan kawasan yang sensitif dan cenderung terdedah kepada pelbagai ancaman seperti hakisan yang boleh mendatangkan kesan kepada kesejahteraan hidup manusia, persekitaran dan ekosistem. Fenomena hakisan pantai merupakan bencana alam yang berlaku hampir setiap tahun di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Hakisan pesisir pantai boleh dikenalpasti melalui perubahan pada garisan pesisir pantai dan perubahan yang terdapat di zon sistem pesisir pantai. Pada 2018 jumlah hakisan pantai yang berlaku di seluruh Malaysia ialah 1,347.6km berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan negeri Terengganu mencatatkan hakisan pantai sebanyak 48.7km.

| Negeri | Jumlah panjang pantai (km) | Jumlah hakisan pantai (km) |
|---|---|---|
| **Malaysia** | **8,840** | **1,347.6** |
| Terengganu | 443 | 48.7 |

Sumber: Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS), 2019
Sumber data: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

8. BPPAS mengambil maklum akan penurunan penyakit zoonis (penyakit berjangkit antara haiwan dn manusia) di negara ini hasil dari amalan kebersihan kendiri yang dipraktikkan ketika PKP. Penerbitan KPAS 2019 turut memuatkan statistik bilangan penyakit bawaan haiwan yang lain iaitu demam denggi, demam denggi berdarah, dan juga kes malaria. Statistik bagi penyakit berkenaan bagi tahun 2014 sehingga 2018 diringkaskan di dalam jadual berikut:

| Tahun | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| Demam Denggi | 107,597 | 119,796 | 100,722 | 83,443 | 80,210 |
| Demam Denggi Berdarah | 1,101 | 1,040 | 635 | 406 | 405 |
| Malaria | 3,923 | 2,311 | 2,302 | 4,114 | 4,630 |

Sumber: Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS), 2019
Sumber data: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

9. Lemak, minyak dan gris (*Fats, Oils and Grease*, FOG) merupakan hasil sisa penyediaan makanan seperti makanan bergoreng dan minyak masak. Masalah sekatan di paip pembetungan boleh berlaku jika tidak dilupuskan dengan betul. Pada 2018, sebanyak 65.9 peratus kumbahan telah dihasilkan oleh isi rumah berdasarkan rekod daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Jika setitik FOG dibuang terus ke dalam sinki oleh isi rumah dan terus masuk ke sistem pembetungan lama kelamaanya boleh menjadi bekuan lemak tepu yang besar. Limpahan air kumbahan akan berlaku dan akan menyebabkan ketidakselesaan kepada kita semua seperti bau busuk dan sebagainya.

| Perkara | 2017 | 2018 |
|---|---|---|
| Kumbahan yang dihasilkan | 65.0% | 65.9% |

Sumber: Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, 2019

1. Sumber data: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

| J. | Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Times 03/07/2020** | **Crowds slowly returning to cinemas, says GSC rep**<br><br>Crowds had been slowly returning to the cinemas while adhering to the government's safety measures in the wake of the Covid-19 pandemic. The cinemas special re-runs at RM5 and combo concessions from RM8 will be available until the end of the month. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/07/605591/crowds-slowly-returning-cinemas-says-gsc-rep |
| 2. | **Berita Harian 05/07/2020** | **Firma Bumiputera ambil bekas kakitangan AirAsia dihentikan kerja**<br>Syarikat carian hartanah Bumiputera, Hi HOME Dotcom Sdn Bhd menawarkan peluang pekerjaan secara berperingkat kepada 30 bekas kakitangan AirAsia termasuk kru kabin, juruterbang, komersial dan pasukan operasi yang diberhentikan kerja baru-baru ini dengan pengambilan 15 bekas kakitangan terlebih dahulu. Antara jawatan yang akan ditawarkan termasuk sumber manusia, pembangunan perniagaan, pemasaran penjenamaan dan jualan atau duta hartanah. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/07/707609/firma-bumiputera-ambil-bekas-kakitangan-airasia-dihentikan-kerja |
| 3. | **New Straits Times 05/07/2020** | **Construction industry set to recover due to Govt's stimulus packages**<br><br>The government's decision to reopen almost all economic sectors coupled with the four | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/07/606105/construction-industry-set-recover-due-govts-stimulus-packages |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | stimulus packages has mitigated losses in the construction industry following the Covid-19 pandemic. Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) estimated that the sector recorded losses of about RM11 billion during the first phase of the Movement Control Order (MCO). Only 23 per cent of the total construction sites inspected by CIDB had yet to resume operation as of last week. | |
| 4. | **The Edge Market 07/07/2020** | **84% of construction sites operating within SOP to curb Covid-19 spread — Fadillah**<br><br>A total of 84% of 3,282 construction sites are operating within the standard operating procedure (SOP) set by the government to curb the spread of Covid-19 pandemic. Checks by the Construction Industry Development Board (CIDB) from April 20 until July 5 found that only 1% of the sites were ordered closed while another 15% issued warnings for non-compliance of the SOP. | https://www.theedgemarkets.com/article/84-construction-sites-operating-within-sop-curb-covid19-spread-%E2%80%94-fadillah |
| 5. | **The Malay Mail 07/07/2020** | **Tekun Mobileprenuer 2.0 targets to assist 500 delivery riders, says minister**<br><br>The National Entrepreneur Group Economic Fund (Tekun Nasional) Mobileprenuer 2.0 is targeting to assist 500 e-hailing riders with a maximum interest- | https://www.malaymail.com/news/money/2020/07/07/tekun-mobileprenuer-2.0-targets-to-assist-500-delivery-riders-says-minister/1882354 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | free financing of up to RM10,000 per person. Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives (Medac) through Tekun Nasional opens up the opportunity for those who have lost their jobs due to the Covid-19 pandemic to generate income as gig-workers or riders. | |
| 6. | **The Edge Market 08/07/2020** | **KWP to offer 1,122 business opportunities for urban youths**<br><br>Federal Territories Ministry (KWP) through its Urban Youth Entrepreneurship Development programme is offering a total of 1,122 business opportunities for young people interested in doing business. This opportunity is open to young entrepreneurs including those who have lost their jobs and those who want to venture into business. The ministry has identified 1,000 locations to be opened in stages. | https://www.theedgemarkets.com/article/kwp-offer-1122-business-opportunities-urban-youths |
| 7. | **The Sun Daily 09/07/2020** | **Surge in hotel reservations until June - Nancy Shukri**<br><br>Tourism sector has seen an upsurge, with hotel reservations nationwide showing an increase of up to 30.74 per cent until June. Tourism ministry always cooperated with the industry players to tackle the effects of Covid-19. The ministry would obtain guidelines from the Ministry of Health, Home | https://www.thesundaily.my/home/surge-in-hotel-reservations-until-june-nancy-shukri-FB2751315 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Ministry and Foreign Ministry to assist in identifying green zones overseas that could implement “travel bubbles”. | |
| 8. | **The Edge Market 09/07/2020** | **Employers must prioritise local job seekers – Saravanan**<br><br>Government is committed to ensure that local job seekers and graduates to be absorbed into the country’s employment sector that fit their qualifications. Job opportunity must be offered to local job seekers first in these challenging times of Covid-19 pandemic. Employers require to advertise all job vacancies on the JobsMalaysia Portal within at least 30 days before they intend to hire foreign workers and expatriates. | https://www.theedgemarkets.com/article/employers-must-prioritise-local-job-seekers-saravanan |

Penemuan penting & isu:

1. Orang ramai kembali ke panggung wayang dengan mematuhi garis panduan dan langkah keselamatan yang diberikan kerajaan semasa pandemik Covid-19 ini. Panggung wayang beroperasi semula dengan harga RM5 dan konsesi kombo dari RM8 sehingga akhir bulan.
2. Syarikat carian hartanah Bumiputera, Hi HOME Dotcom Sdn Bhd menawarkan peluang pekerjaan secara berperingkat kepada 30 bekas kakitangan AirAsia termasuk kru kabin, juruterbang, komersial dan pasukan operasi yang diberhentikan kerja baru-baru ini. Antara jawatan yang akan ditawarkan termasuk sumber manusia, pembangunan perniagaan, pemasaran penjenamaan dan jualan atau duta hartanah.
3. Keputusan Kerajaan membenarkan semula pembukaan ekonomi dengan empat pakej rangsangan telah mengurangkan kerugian industri pembinaan semasa pandemik Covid-19. Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) menganggarkan kerugian sektor ini sebanyak RM11 billion semasa fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
4. Sebanyak 84 peratus daripada 3,282 tapak pembinaan beroperasi dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan bagi

membendung Covid-19. Pemeriksaan oleh CIDB dari 20 April hingga 5 Julai mendapati hanya 1 peratus tapak ditutup manakala 15 peratus diberikan amaran kerana tidak mematuhi SOP.

5. Mobileprenenuer 2.0 oleh Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun Nasional) mensasarkan untuk membantu 500 penunggang e-hailing dengan bantuan kewangan tanpa faedah sehingga RM10,000 seorang. MEDAC melalui Tekun Nasional membuka peluang kepada mereka yang kehilangan pekerjaan disebabkan Covid-19 untuk menjana pendapatan sebagai pekerja gig.
6. Kementerian Wilayah Persekutuan melalui program Urban Youth Entrepreneurship Development menawarkan 1,122 peluang pekerjaan kepada orang muda yang berminat berniaga. Peluang ini juga terbuka kepada mereka yang kehilangan pekerjaan dan ingin menceburi bidang perniagaan. Kementerian telah mengenalpasti 1,000 lokasi yang akan dibuka secara berperingkat.
7. Industri pelancongan menunjukkan peningkatan tempahan hotel di seluruh negara kepada 30.74 peratus sehingga Jun. Kementerian Pelancongan sentiasa bekerjasama dengan pemain industri bagi menangani kesan Covid-19. Garis panduan daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar juga diperolehi bagi mengenalpasti zon hijau luar negara yang melaksanakan "*travel bubbles*".
8. Kerajaan akan memastikan pencari kerja tempatan dan graduan diserap ke sektor pekerjaan sesuai kelayakan akademik. Peluang pekerjaan juga harus ditawarkan kepada pencari kerja tempatan dahulu dalam tempoh cabaran Covid-19 ini. Majikan perlu mengiklankan semua kekosongan di portal JobsMalaysia Portal dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari sebelum menawarkan kepada pekerja asing dan ekspatriat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut maklumat berkaitan jawatan diisi dan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST1 2020:

i) Jumlah jawatan diisi sebanyak 8,401 ribu jawatan, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,417 ribu (52.6%) jawatan. Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,161 ribu (25.7%) jawatan dan sektor Pembinaan sebanyak 1,286 ribu (15.3%) jawatan.

ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit (18.4%). Sementara itu, subsektor Makanan, minuman dan penginapan sebanyak 9.9 peratus manakala Pengangkutan dan penyimpanan sebanyak 4.5 peratus.

iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (6.7%), diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (4.7%).

iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 19 ribu di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 9.7 ribu (51.0%) jawatan sementara sektor Pembinaan sebanyak 5 ribu (26.2%) jawatan.

2. Statistik pekerja bagi ST1 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST1 2020 adalah seperti berikut*:
   i) Pertanian: 1,883 ribu orang (12.4%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (0.5%)
   iii) Pembuatan: 2,576 ribu orang (16.9%)
   iv) Pembinaan: 1,424 ribu orang (9.3%)
   v) Perkhidmatan: 9,284 ribu orang (60.9%)
   vi) Jumlah: 15,243 ribu orang (100.0%)

3. Statistik produktiviti buruh bagi ST1 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST1 2020 adalah seperti berikut:

| **Aktiviti ekonomi** | **Produktiviti buruh mengikut jam bekerja** | | **Produktiviti buruh mengikut pekerja** | |
|---|---|---|---|---|
| | **Nilai (RM)** | **Perubahan Peratusan Tahunan (%)** | **Nilai (RM)** | **Perubahan Peratusan Tahunan (%)** |
| Pertanian | 23.0 | -7.1 | 11,948 | -8.9 |
| Perlombongan dan pengkuarian | 564.6 | 3.8 | 339,032 | -0.4 |
| Pembuatan | 50.9 | 2.2 | 29,788 | -0.2 |
| Pembinaan | 18.6 | -1.6 | 10,776 | -5.3 |
| Perkhidmatan | 38.2 | 3.7 | 21,656 | 0.5 |
| **Jumlah** | **40.0** | **2.1** | **22,578** | **-0.8** |

*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan

## Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri



## Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Tabur Kes COVID-19 Mengikut Negara

# CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

| Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide | Jumlah kematian keseluruhan: Total deaths: Dunia / Worldwide | Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Dunia / Worldwide | Negara yang terlibat: No. of countries involved: | Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Malaysia |
|---|---|---|---|---|
| 12,183,037 | 552,291 (4.53%) | 6,886,282 (56.52%) | 210 | 8,499 (97.88%) |

| Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* |
|---|---|---|
| Amerika Syarikat | 3159457 | 134867 |
| Brazil | 1716196 | 68055 |
| India | 769574 | 21161 |
| Rusia | 707301 | 10843 |
| Peru | 312911 | 11133 |
| Chile | 303083 | 6573 |
| Sepanyol | 299593 | 28396 |
| United Kingdom | 286979 | 44517 |
| Mexico | 275003 | 32796 |
| Iran | 248379 | 12084 |
| Itali | 242149 | 34914 |
| Pakistan | 240848 | 4983 |
| Afrika Selatan | 224665 | 3602 |
| Arab Saudi | 220144 | 2059 |
| Turki | 208938 | 5282 |
| Jerman | 198765 | 9115 |
| Bangladesh | 175494 | 2238 |
| Perancis | 169473 | 29965 |
| Colombia | 128638 | 4527 |
| Kanada | 106434 | 8737 |
| Qatar | 101553 | 138 |
| Argentina | 87030 | 1694 |
| China | 83581 | 4634 |
| Mesir | 78304 | 3564 |
| Sweden | 73858 | 5482 |
| Indonesia | 68079 | 3359 |
| Iraq | 67442 | 2779 |
| Belarus | 64224 | 443 |
| Ecuador | 63245 | 4873 |
| Belgium | 62210 | 9778 |
| UAE | 53045 | 327 |
| Kazakhstan | 53021 | 264 |
| Kuwait | 52007 | 379 |
| Filipina | 51754 | 1314 |
| Oman | 51725 | 236 |
| Ukraine | 51224 | 1327 |
| Belanda | 50746 | 6135 |
| Singapura | 45423 | 26 |
| Portugal | 44859 | 1631 |
| Bolivia | 42984 | 1577 |
| Panama | 41251 | 819 |

| Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* |
|---|---|---|
| Republik Dominika | 39588 | 829 |
| Poland | 36951 | 1551 |
| Israel | 33947 | 346 |
| Afghanistan | 33908 | 957 |
| Switzerland | 32498 | 1966 |
| Bahrain | 30931 | 101 |
| Armenia | 30346 | 535 |
| Nigeria | 30249 | 684 |
| Romania | 30175 | 1817 |
| Honduras | 25978 | 694 |
| Ireland | 25542 | 1738 |
| Guatemala | 25411 | 1053 |
| Ghana | 22822 | 129 |
| Azerbaijan | 21916 | 274 |
| Jepun | 20174 | 980 |
| Austria | 18513 | 706 |
| Moldova | 18471 | 614 |
| Algeria | 17348 | 978 |
| Serbia | 17076 | 341 |
| Nepal | 16423 | 35 |
| Cameroon | 14916 | 359 |
| Maghribi | 14771 | 242 |
| Korea Selatan | 13293 | 287 |
| Denmark | 12900 | 609 |
| Czechia | 12814 | 351 |
| Ivory Coast | 11504 | 78 |
| Uzbekistan | 11259 | 47 |
| Sudan | 10084 | 636 |
| Australia | 9059 | 106 |
| Norway | 8950 | 251 |
| Kyrgyzstan | 8847 | 116 |
| El Salvador | 8844 | 243 |
| Malaysia | 8683 | 121 |
| Kenya | 8528 | 169 |
| Venezuela | 8008 | 75 |
| Senegal | 7657 | 141 |
| Congo (Kinshasa) | 7432 | 182 |
| Makedonia Utara | 7406 | 359 |
| Finland | 7265 | 329 |
| Ethiopia | 6774 | 120 |
| Haiti | 6486 | 123 |

| Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* |
|---|---|---|
| Tajikistan | 6364 | 54 |
| Bulgaria | 6342 | 259 |
| Gabon | 5871 | 46 |
| Bosnia Herzegovina | 5869 | 209 |
| Costa Rica | 5836 | 25 |
| Guinea | 5697 | 34 |
| French Guiana | 5459 | 22 |
| Mauritania | 5087 | 139 |
| Palestin | 5029 | 20 |
| Djibouti | 4889 | 55 |
| Luxembourg | 4650 | 110 |
| Hungary | 4220 | 591 |
| Central African Republic | 4109 | 52 |
| Greece | 3622 | 193 |
| Madagascar | 3573 | 33 |
| Croatia | 3325 | 114 |
| Thailand | 3202 | 58 |
| Albania | 3106 | 83 |
| Equatorial Guinea | 3071 | 51 |
| Somalia | 3028 | 92 |
| Nicaragua | 2846 | 91 |
| Mayotte | 2688 | 34 |
| Paraguay | 2554 | 20 |
| Maldives | 2517 | 13 |
| Cuba | 2399 | 86 |
| Mali | 2358 | 120 |
| Sri Lanka | 2094 | 11 |
| Estonia | 2011 | 69 |
| Lubnan | 1946 | 36 |
| Zambia | 1895 | 42 |
| Iceland | 1880 | 10 |
| Malawi | 1864 | 24 |
| Lithuania | 1857 | 79 |
| Slovakia | 1851 | 28 |
| Lain-lain/ *Others* (Kapal persiaran) | 712 | 13 |

(Dikemaskini pada 9 Julai 2020)
*(Updated at 9 July 2020)*

**Bilangan negara di bawah 1,800 kes:**
Countries with 1,800 cases and below:

| (1-500) | (501-1000) | (1001-1500) | (1501-1800) |
|---|---|---|---|
| 59 | 17 | 13 | 5 |

Sumber: CPRC Kebangsaan dan WHO

UKK MOH